

Kuasa besar tidak berhak kritik Malaysia

Oleh Othman Mamat

B.H 11 OCT 1993

(8)

LANGKAWI, Ahad — Kuasa Barat terutama Amerika Syarikat, tidak lagi berhak untuk mengkritik Malaysia apabila negara itu sendiri tidak sanggup bertindak atas dasar hak asasi manusia di Bosnia-Herzegovina, kata Datuk Seri ~~Dr Mahathir Mohamad~~.

Perdana Menteri menegaskan, tidak ada guna Amerika Syarikat menuduh Malaysia tidak menghormati hak kemanusiaan sedangkan mereka sendiri tidak menghormati hak itu.

Sambil menyifatkan isu yang dibangkitkan oleh Amerika Syarikat terhadap Malaysia sebagai soal kecil, Dr Mahathir berkata:

"Kerana mereka tidak sanggup bertindak di Bosnia, kepada kita mereka sudah kehilangan hak untuk mengkritik kita.

"Di Bosnia, secara jelas orang Serb mencabul hak asasi manusia di sana. Mereka tidak berbuat apa-apa tetapi mereka hendak mengkritik kita kerana ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri)lah konon, itulah, inilah.

"Ini perkara mudah, kecil kalau dibandingkan dengan apa yang berlaku di Bosnia," katanya di sidang akhbar selepas meninjau persiapan Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima 93), di sini, hari ini.

Beliau berada di Langkawi sejak semalam bagi melihat persiapan Lima 93 selama enam hari mulai 7 Disember ini.

Dr Mahathir berkata, setakat ini susah untuk menilai sejauh manakah berkesannya panda-

ngan yang disuarakan Malaysia di peringkat antarabangsa mengenai Bosnia.

Beliau juga mendakwa Amerika Syarikat mengamalkan dasar pilih kasih apabila mereka enggan menggunakan pendekatan ketenteraan bagi menyelesaikan perang saudara di Bosnia yang berlarutan lebih setahun itu.

Perdana Menteri kesal kerana Barat tidak sanggup memerangi pegganas Serb yang mencabul hak asasi manusia di Bosnia, tetapi pada masa yang sama mereka begitu cepat bertindak terhadap orang Somalia.

"Pendekatan yang digunakan di Somalia sepatutnya digunakan di Bosnia juga. Mereka menggunakan tentera dan kapal perang di Somalia tetapi di Bosnia tidak ada," katanya.

Mengenai ucapannya yang mengkritik dasar luar Britain, ketika lawatan John Major ke Malaysia baru-baru ini, beliau berkata setiap ucapannya ketika menerima kunjungan pemimpin asing berkaitan isu semasa.

Menurutnya, itu bukan kali pertama beliau berbuat demikian malah beliau pernah membuat ucapan yang lebih kritikal ketika bekas Perdana Menteri Britain, Margaret Thatcher melawat Malaysia.

"Pada masa itu, kita bercakap perkara berkaitan (isu semasa). Kalau hendak membuat rayuan, buatlah rayuan masa itu. Kalau setakat hendak bercakap begitu sahaja, tak buat ucapan pun tak apa," katanya.